



MENTERI SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MALAYSIA – INDONESIA BERHUBUNG
PEKHIDMAT DOMESTIK INDONESIA

1. Saya telah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat saya, TYT Ida Fauziyah, Menteri Ketenagakerjaan Republik Indonesia hari ini di Jakarta. Kami bersetuju agar **Memorandum Persefahaman (MOU) berhubung Pengambilan dan Penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) ditandatangani pada 7 dan 8 Februari 2022 di Bali** sebagaimana yang telah dibincangkan terdahulu.
2. MOU Induk telah pun dipersetujui termasuklah isu-isu utama seperti *One Maid One House*, *One Channel System* dan gaji PDI. Perbincangan berhubung *One Maid One House* telah dipersetujui untuk menggantikan cadangan *One Maid One Task* di mana satu PDI boleh digajikan bagi isi rumah tidak melebihi 6 orang. Manakala *One Channel System* telah dipersetujui oleh kedua pihak sebagai saluran tunggal kemasukan PDI ke Malaysia.
3. Isu berhubung **struktur kos pengambilan akan dikaji setiap enam bulan** bagi memastikan ia seiring dengan perkembangan semasa mengambil kira antaranya seperti kos penerbangan dan kuarantin.
4. Malaysia dan Indonesia juga turut bersetuju untuk **projek rintis pengambilan sejumlah 10,000 PDI** dan dijangka akan dilaksanakan dalam masa satu minggu selepas MOU ditandatangani. Projek rintis ini amat penting dan signifikan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan MOU dan seterusnya menambah baik sebarang kelemahan yang timbul.

5. Di samping itu, pihak Indonesia juga bersetuju membenarkan kemasukan 10,000 tenaga kerja warga Indonesia untuk sektor perladangan. Ini adalah sebagai permulaan kepada pengambilan 32,000 pekerja warga asing dalam sektor perladangan secara pengecualian khas sebagaimana keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 April 2021.

YB DATUK SERI M. SARAVANAN

MENTERI SUMBER MANUSIA

JAKARTA

24 JANUARI 2022